



PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KALI KE 9

Jabatan Perangkaan Malaysia

Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan



KESAN INDIKATOR MAKROEKONOMI TERHADAP STOK PASARAN: KAJIAN KES MALAYSIA


Nurul Ain Shafiqah Mohd Sabri dan Khairul Aidah Samah

Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENGENALAN

- Makroekonomi ialah analisis yang mengkaji tingkah laku ekonomi secara keseluruhan.
- Contoh faktor-faktor makroekonomi adalah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), inflasi, kadar pengangguran dan sektor luaran.
- Objektif utama dasar makroekonomi bagi setiap faktor adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi serta mampan, inflasi yang stabil dan kadar pengangguran yang rendah, serta imbalan pembayaran yang optimum.
- Pada suku kedua 2022, KDNK berkembang lebih kukuh pada 8.9% (ST1 2022: 5.0%) didorong oleh perkembangan dalam permintaan domestik. Permintaan domestik berkembang pada 13.0% (ST1 2022: 4.4%) disebabkan oleh pemulihan aktiviti pelaburan dan pertumbuhan penggunaan akhir yang lebih baik pada ST2 2022. Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 2.8% (ST1 2022: 2.2%) disebabkan oleh peningkatan dalam makanan & minuman bukan alkohol (5.1%) diikuti oleh pengangkutan (4.1%) dan kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.1%). Sementara itu, kadar pengangguran turun sebanyak 0.2 mata peratusan kepada 3.9% pada ST2 2022

Carta 1: KDNK, Permintaan Domestik, IHP dan Kadar Pengangguran



OBJEKTIF

- Untuk mengenal pasti kesan pengaruh makroekonomi terhadap pulangan pasaran saham di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

- Plihal (2016): Prestasi pasaran saham boleh digunakan untuk meramal pembolehubah makroekonomi atau kewujudan penyebab-Granger dua hala, sebagai tanda kecekapan pasaran.
- Kogid et al. (2012): Aktiviti ekonomi Malaysia berpotensi sebagai penunjuk dan pembolehubah penting dalam meramalkan tingkah laku dalam pasaran saham masa hadapan.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Penerangan Pembolehubah

Pembolehubah	Label	Unit	Sumber Data
Stok Pasaran	KLCI	Indeks	Bursa Saham Kuala Lumpur
Keluaran Dalam Negeri Kasar	KDNK	RM juta	Jabatan Perangkaan Malaysia
Indeks Harga Pengguna	IHP	Indeks	Jabatan Perangkaan Malaysia
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	PEKERJAAN	Kadar	Jabatan Perangkaan Malaysia
Kadar Faedah	ALR_BANK	Kadar	Bank Negara Malaysia
Penawaran Wang	M1	RM juta	Bank Negara Malaysia
Imbangan Dagangan	TRADEB	RM juta	Jabatan Perangkaan Malaysia

- Jadual 1 menunjukkan senarai semua pembolehubah dan menggunakan penyebab-Granger untuk mengkaji hubungan antara dua pembolehubah dalam siri masa.
- Ujian punca unit menggunakan ADF menunjukkan bahawa semua pembolehubah adalah tidak pegun pada peringkat aras I(0) dan pegun di peringkat pembezaan pertama I(1).
- Panjang lat optimal yang dipilih mengikut AIC adalah 4.
- Ujian kointegrasi Johansen mendapati terdapat kointegrasi antara indeks saham dan semua pembolehubah.

METODOLOGI

- Kajian ini mengikut prosedur Toda dan Yamamoto (1995) untuk menguji penyebab-Granger.
- Analisis menggunakan data suku tahunan, iaitu dari suku pertama 2010 hingga suku kedua 2022.
- Analisis kajian menggunakan perisian Eviews yang melibatkan:
 - Ujian Punca Unit - *Augmented Dickey-Fuller* (ADF)
 - Penentuan Panjang Lat - *Akaike Information Criterion* (AIC)
 - Ujian Kointegrasi - *Johansen Test*

Jadual 2: Keputusan Penyebab-Granger

Sampel: ST1 2010 – ST2 2022
Lag: 4

Hipotesis Nol:	Cerapan	Statistik-f	Nilai Kebarangkalian
D(KDNK) bukan Penyebab Granger D(KLCI)	46	1.48773	0.2257
D(KLCI) bukan Penyebab Granger D(KDNK)		3.21482	0.0232*
D(IHP) bukan Penyebab Granger D(KLCI)	46	0.58974	0.6721
D(KLCI) bukan Penyebab Granger D(IHP)		1.46229	0.2333
D(PEKERJAAN) bukan Penyebab Granger D(KLCI)	46	0.89573	0.4763
D(KLCI) bukan Penyebab Granger D(PEKERJAAN)		1.41441	0.2484
D(ALR_BANK) bukan Penyebab Granger D(KLCI)	46	0.33084	0.8554
D(KLCI) bukan Penyebab Granger D(ALR_BANK)		2.39309	0.0680
D(M1) bukan Penyebab Granger D(KLCI)	46	0.90861	0.4690
D(KLCI) bukan Penyebab Granger D(M1)		2.77660	0.0410*
D(TRADEB) bukan Penyebab Granger D(KLCI)	46	2.28774	0.0783
D(KLCI) bukan Penyebab Granger D(TRADEB)		2.83371	0.0380*

Nota: * merujuk kepada penolakan hipotesis nol pada aras keertian 5%.

- Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis penyebab-Granger.
- Penemuan mendapati bahawa indeks saham Malaysia (KLCI) penyebab-Granger kepada KDNK, penawaran wang (M1) dan imbalan perdagangan (TRADEB).
- Pembolehubah lain seperti inflasi (IHP), kadar faedah (ALR_BANK) dan kadar penyertaan tenaga buruh (PEKERJAAN) tidak menunjukkan sebarang hubungan penyebab-Granger dengan stok pasaran saham.
- Ini bermakna inflasi, kadar faedah dan pekerjaan mungkin tidak mengandungi sebarang maklumat bernilai tentang pasaran saham.

KESIMPULAN

- Kajian ini menguji penyebab-Granger antara indeks saham Malaysia dan penunjuk makroekonomi terpilih.
- Pasaran saham boleh dianggap sebagai penunjuk pelopor aktiviti ekonomi.
- Justeru, pasaran saham memainkan peranan sebagai indikator pelopor berhubung dengan pembolehubah KDNK, penawaran wang dan imbalan perdagangan.

RUJUKAN

- Plihal, T. (2016). Granger Causality between Stock Market and Macroeconomic Indicators: Evidence from Germany. *Acta Universitatis Agriculturae et Silviculturae Mendelianae Brunensis*, 64(6), 2101–2108.
- Kogid, M., Mohd Nor, A. H. S., Sarmidi, T., & Loganathan, N. (2012). Hubungan Jangka Panjang dan Interaksi Dinamik antara Pasaran Saham dengan Aktiviti Ekonomi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 36, 149–160
- Mun, H. W., Siong, E. C., & Thing, T. C. (2009). Stock Market and Economic Growth in Malaysia: Causality Test. *Asian Social Science*, 4(4), 86–92.

Anjuran oleh:

